

PERANAN BOMOH DALAM MASYARAKAT MELAYU  
HARI INI.

LATIHAN ILMIAH

BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-  
SYARAT UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA  
DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Oleh

No. Matrik 033754

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR.  
1980/81

## KANDUNGAN

|   |         |
|---|---------|
| Penghargaan   | v       |
| Sinopsis  | vi      |
| BAB 1 : PENGENALAN  | 1 - 10  |
| 1. Skop Kajian.   |         |
| 2. Soalan-soalan Penyelidikan.                                |         |
| 3. Metodologi.  |         |
| 4. Cara Memilih Sample.                                       |         |
| 5. Masalah-masalah yang dihadapi.                             |         |
| BAB 2 : TINJAUAN-TINJAUAN BOMOH DAN MAGIS<br>DI MALAYSIA.     | 11 - 16 |
| BAB 3 : LATARBELAKANG DAN SUDUT PANDANGAN<br>BOMOH DAN BIDAN. | 17 - 26 |
| 1. LATARBELAKANG BOMOH DAN BIDAN.                             |         |
| i) Asalusul.  |         |
| ii) Taraf Pelajaran.  |         |
| 2. SUDUT PANDANGAN BOMOH DAN BIDAN.                           |         |
| i) Kepercayaan.   |         |
| ii) Jenis-jenis Bomoh.  |         |
| iii) Asalusul sakit.  |         |
| BAB 4 : CARA PERUBATAN.                                       | 27 - 43 |
| 1. Cara Perubatan Bomoh.                                      |         |
| 2. Cara Perubatan Bidan dan Tugas-tugasnya.                   |         |
| 3. Bentuk Upah.   |         |

4. Peranan Bomoh dan Bidan Hari Ini.

i) a) Sebagai Bomoh.

b) Sebagai "ritualist".

ii) Pandangan Bomoh dan Bidan tentang perubatan moden.

BAB 5 : KESIMPULAN.

44 - 46

BAHAN RUJUKAN.

LAMPIRAN.

University of Malaya

## PENGHARGAAN

Dalam usaha menyiapkan latihan ilmiah ini saya sangat-sangat terhutang budi kepada Dr. Raymond Lee pengawas saya. Di atas bimbingan, teguran serta tunjuk ajar yang telah diberikannya saya ucapkan terimakasih yang tidak terhingga.

Ucapan terimakasih juga saya hулurkan kepada responden-responden saya yang terdiri dari bomoh-bomoh dan bidan-bidan yang sudi meluangkan masa mereka untuk berbual-bual dengan saya dan menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Kerjasama yang diberikan oleh mereka amat dihargai.

Akhirnya tidak lupa juga saya rakamkan ucapan terimakasih saya kepada saudara-mara yang telah berusaha mengenalkan serta menemankan saya untuk menemui responden-responden. Kerjasama mereka tidak dilupakan.

Disember 1980.

UM.

## SINOPSIS

Latihan ilmiah ini dilakukan adalah untuk mengkaji sejauh manakah peranan bomoh di dalam masyarakat Melayu hari ini, khususnya di Perlis, di mana kajian ini dilakukan. Memandangkan hari ini telah ujud institusi perubatan moden, maka bolehlah dilihat samaada bomoh masih lagi berfungsi di dalam masyarakat Melayu dengan membandingkan kedua institusi ini.

Di dalam pengenalan (Bab 1) pengkaji terlebih dahulu menghuraikan mengenai perkara-perkara yang bersangkutan dengan skop kajian, termasuk soalan-soalan penyelidikan, metodologi yang digunakan serta masalah-masalah yang dihadapi sewaktu menjalankan kajian.

Sementara itu Bab ke 2 pula membincangkan mengenai karya-karya berkenaan bomoh di Malaysia. Latarbelakang serta sudut pandangan bomoh pula dihuraikan di dalam Bab 3. Sementara cara perubatan bomoh digambarkan seterusnya di dalam Bab 4. Di sini juga diberi gambaran mengenai peranan bomoh sebagai seorang pengubat sakit dan juga sebagai seorang "ritualist".

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1. Skop Kajian.

Tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk mengetahui sejauh manakah peranan bomoh di dalam masyarakat Melayu hari ini, khususnya di negeri Perlis. Bomoh sebagaimana yang diketahui merupakan seorang yang ahli di dalam bidang perubatan dalam masyarakat dan kebudayaan Melayu Tradisional. Prof. Mohd. Taib Osman mengatakan mungkin tidak terdapat satu institusi sosial yang lain dalam masyarakat Melayu yang boleh menandingi institusi perbomohan dari segi lama dan persambungannya yang berlanjutan, tetapi tetap berfungsi dalam kehidupan sehari-hari hingga ke hari ini. (Zainal Kling: 1977 : 6) Walaupun hari ini telah wujud institusi perubatan moden, namun institusi perbomohan masih lagi tetap berfungsi di dalam kehidupan sehari-hari.

Ditinjau secara lebih luas lagi bomoh bukan sahaja terlibat di dalam bidang mengubati penyakit sahaja, malah ia juga berperanan penting dalam upacara-upacara tertentu dalam kebudayaan Melayu. Kepentingan bomoh ini dapat dilihat dalam upacara-upacara seperti tolak bala, naik rumah, puja pantai, membuka tanah baru dan lain-lain.

Kajian mengenai bidang perbomohan ini telah mula dilakukan oleh sarjana-sarjana barat di Tanah Melayu. Hasilnya banyak buku-buku mengenai bomoh telah diterbitkan seperti karya-karya Skeat (1900), Endicott (1970), Winstedt (1925), Gimlette (1915), Wolff (1965)

dan lain-lain lagi. Tetapi hari ini kita dapati kajian-kajian terhadap perbomohan ini mula menarik minat masyarakat Melayu sendiri terutama dengan lahirnya kajian-kajian dari Prof. Mohd. Taib Osman (1970, 1967). Pihak kerajaan sendiri juga mula menumpukan perhatian mereka terhadap pengumpulan perubatan tradisional, hinggakan pihak Universiti Malaya dan Badan Pencegah Dadah UMNO mengumpul lebih 400 orang tabib, dukun tradisi bagi menumpukan usaha terutama ke arah membasmi penagihan dadah. Usaha ke arah ini telahpun bermula dengan penubuhan Persatuan Perubatan Tradisional Melayu Malaysia dipengerusikan oleh Haji Radin Suparhan. Antara lain tujuannya ialah hendak menyatupadukan ahli-ahli perubatan Melayu supaya dapat mengumpul ubat-ubat dan sistem perubatan Timur untuk membantu kerajaan memenuhi kekosongan sistem pengubatan Barat. Begitu juga dengan cadangan hendak menubuhkan institusi Perubatan Tradisi yang antara lain akan melatih dan mendidik dukun dan bomoh tempatan ke arah pemodenan.

Masyarakat Melayu hari ini sebenarnya telah banyak berubah dari dahulu. Perubahan ini berlaku dalam berbagai-bagai bidang. Di dalam arus perubahan ini mereka tidak sunyi dari menerima berbagai pengaruh baik dari dalam maupun luar, seperti pengaruh Hindu, pengaruh Islam jua pengaruh dari Barat. Semuanya ini bercampuraduk di dalam masyarakat Melayu melahirkan satu kebudayaan. Akibat dari pengaruh ini khususnya pengaruh dari Barat, masyarakat Melayu telah mula berubah, baik dari segi pandangan hidup ataupun kepercayaan mereka. Kesedaran tentang kepentingan pelajaran telah melahirkan satu masyarakat yang baru berfikiran luas dan berpandangan

moden. Kepercayaan-kepercayaan lama dianggap kuno dan ketinggalan zaman, kini semakin beransur ditinggalkan dan mula diresapi dan diganti pula oleh unsur-unsur baru. Unsur-unsur baru yang dimaksudkan itu ialah seperti adanya kepercayaan terhadap institusi-institusi perubatan moden, kepercayaan terhadap hantu syaitan, penunggu yang boleh menyebabkan sakit semakin pudar. Mereka mula mempercayai bahawa kuman yang menyebabkan penyakit. Begitulah juga yang terjadi dalam bidang perbomohan. Peranan mereka yang dahulunya dianggap berpengaruh di dalam masyarakat Melayu kini semakin pudar. Mereka kini hanya mengubati penyakit sahaja. Kalau dahulu kita dapat lihat bagaimana seorang bomoh itu boleh di dalam satu masa juga menjadi seorang imam dan Ketua Kampung, kini peranan itu telah berkurang. Dahulu seorang bomoh boleh sekaligus menjadi imam dan bomoh kerana pada masa dahulu bomoh merupakan orang yang sangat dihormati. Oleh kerana seorang bomoh itu dihormati di samping ia juga mempunyai kepandaian di dalam hal-hal ugama maka ia akan diangkat untuk menjadi Ketua Kampung dan juga bomoh. Oleh kerana itulah selalu terjadi di zaman dahulu seorang bomoh boleh juga menjadi imam dan Ketua Kampung. Kini semua ini jarang kedapatan kerana Ketua Kampung kini berkehendakkan kelulusan sedangkan pada masa dahulu tidak. Ini mungkin disebabkan adanya arus perubahan pemikiran masyarakat bersama lahirnya orang-orang yang lebih layak lagi. Memandangkan kepada perubahan-perubahan ini maka timbul minat pengkaji untuk mengkaji samaada bidang perbomohan ini masih lagi berdiri kukuh atau dapat bertahan menghadapi segala cabaran ini.



## 2. Soalan-soalan Penyelidikan.

Berhubung dengan soalan-soalan penyelidikan, pengkaji membahagikan soalan-soalan kepada dua bahagian iaitu:-

- i) Bahagian A
- ii) Bahagian B

Pada bahagian A, pengkaji memasukkan soalan-soalanyang terdiri dari latarbelakang responden. Di dalam bahagian ini terkandung butir-butir peribadi responden yang meliputi tempat lahir, umur, jantina, taraf perkahwinan, tempat tinggal, taraf pelajaran dan lain-lain. Soalan-soalan ini merupakan soalan tertutup. (close-ended)

Pada bahagian B pula soalan-soalan adalah bercorak lebih terbuka (open-ended) di mana pengkaji menyediakan soalan-soalan dasar mengenai "world-view" bomoh dan bidan, pandangan mereka tentang institusi perubatan moden, cara mereka mengubati penyakit, jenis-jenis penyakit yang diubati dan lain-lain lagi. Walaubagaimanapun soalan-soalan ini bukanlah merupakan soalan yang tetap bagi semua responden. Pengkaji, dari masa ke semasa terpaksa menambah atau mengubahsuaikannya bergantung kepada reaksi responden semasa menjawab soalan-soalan.

## 3. Metodologi.

Kajian "field-work" ini dilakukan oleh pengkaji di beberapa tempat di negeri Perlis. Di dalam menjalankan kerjaluar ini, pengkaji menggunakan berbagai-bagai metode kajian yang mana perlu

untuk mendapatkan matlumat dan data-data.

Pengkaji menggunakan gabungan cara kajian secara teori dan kerjaluar yang merupakan cara yang paling sesuai bagi pengkaji untuk mendapatkan berbagai-bagai matlumat dan gambaran yang lebih dekat dan jelas tentang latarbelakang bomoh dan bidang kegiatannya di dalam masyarakat, butir-butir peribadi dan lain-lain lagi yang hendak dikaji.

Cara pertama yang dilakukan oleh pengkaji ialah dengan menggunakan daftar soalselidik (questionares) yang mesti disediakan terlebih dahulu. Ia mengandungi dua bentuk soalan iaitu soalan tertutup dan soalan terbuka. Soalan-soalan ialah soalan-soalan yang sudah ditentukan jawapannya iaitu jawapan yang dijangkakan akan diberikan oleh responden. Di sini responden hanya memberi jawapan yang diberikan. Sementara soalan terbuka pula mengandungi soalan-soalan yang memerlukan jawapan yang dibuat sendiri oleh responden. Ini bermakna jawapan yang diberikan itu tidak dapat ditentukan dan tidak terhad. Soalan-soalan ini ditimbulkan apabila pengkaji menemubual samaada bomoh ataupun bidan.

Di dalam proses menemuduga responden pengkaji mengemukakan soalan-soalan berdasarkan pada 'questionares' yang telah disediakan. Di dalam proses menemubual ini pengkaji mencatatkan butir-butir penting yang diterangkan oleh responden. Butir-butir yang dianggap tidak begitu penting, pengkaji hanya akan mencatatkannya apabila selesai proses menemubual itu dijalankan. Ini kerana memandangkan bahawa pengkaji tidak dapat mencatatkan semua sekali butir-butir

yang diterangkan kerana ini akan menganggu rentak perbualan. Lagipun sekiranya semuanya hendak dicatitkan sudah tentu proses menemubual ini lambat dan kurang memuaskan.

Cara kedua pula ialah dengan melakukan pemerhatian (observation). Pemerhatian ini lebih memberatkan ke atas geraklaku bomoh-bomoh itu mengubati pesakit-pesakit, upacara-upacara yang dilakukan oleh mereka, metode-metode yang digunakan, bagaimana ia menghadapi situasi-situasi yang mencemaskan atau menakutkan dan lain-lain. Tujuannya metode pemerhatian ini dilakukan ialah untuk menguatkan lagi kebenaran jawapan yang diberikan oleh responden. Melalui pemerhatian juga dapat dilihat gambaran yang lebih jelas tentang bagaimana seseorang bomoh itu mengubati pesakit-pesakit dan cara-cara yang digunakan.

Satu lagi cara yang digunakan oleh pengkaji untuk kajian perbomohan ini ialah secara mengadakan perbualan-perbualan yang tidak resmi dengan pesakit-pesakit yang menemui bomoh tersebut ataupun dengan orangramai tentang bagaimana pendapat mereka tentang seseorang bomoh itu. Di sini dapat diketahui tentang kepopularan seseorang bomoh itu. Pengkaji juga secara tidak langsung dapat mengetahui dan menilai tentang sikap dan penilaian orangramai terhadap bomoh. Malah sikap dan pandangan serta penerimaan orangramai terhadap institusi perubatan moden juga dapat ditinjau secara tidak langsung. Melalui perbualan-perbualan secara tidak resmi inilah dapat diketahui pendirian orangramai tentang perubatan tradisional dan moden. Adakah mereka lebih mempercayai kepada perubatan

secara tradisi boleh menyembuhkan penyakit lebih berkesan dan juga setakatmana penerimaan mereka terhadap perubatan moden.

Melalui kajian secara langsung ini pengkaji mendapati bahawa responden-respondennya tidak akan malu-malu dan segan untuk mengeluarkan pendapat mereka tanpa prasangka sebagaimana yang berlaku sekiranya temubual dijalankan secara lebih resmi.

Metode keempat ialah berdasarkan bahan-bahan bertulis yang digunakan oleh pengkaji untuk melihat dan mendapatkan serba-sedikit tentang bomoh secara am. Bahan-bahan yang bertulis itu berupa buku-buku yang telah diterbitkan yang menerangkan berkenaan dengan perubatan tradisional juga kajian-kajian yang lepas misalnya buku-buku yang ditulis oleh pengarang seperti Skeat, Endicott, Taib Osman dan lain-lain lagi. Di samping dapat melihat pendekatan yang dilakukan oleh mereka, pengkaji juga boleh membandingkan dengan kajian pengkaji sendiri. Metode ini perlu untuk menolong pengkaji melihat bagaimana kajian-kajian tersebut dilakukan juga sebagai panduan.

#### 4. Cara Memilih Sample.

Sample yang diambil oleh pengkaji ialah seramai lapan orang responden yang terdiri dari enam orang bomoh dan dua orang bidan. Oleh kerana bilangan bomoh tidak ramai di samping mereka tinggal di tempat yang berasingan, maka untuk mendapatkan responden-responden

ini, selain dari mengetahui sendiri, pengkaji terpaksa bertanya kepada kawan-kawan dan sanak saudara.

Kajian ini dilakukan oleh pengkaji di sekitar kawasan Utara Perlis iaitu di bahagian-bahagian kawasan yang berhampiran dengan kawasan tempat tinggal pengkaji. Kadang-kadang pengkaji pergi bersama-sama kawan untuk menemubual responden. Ini kerana ada kawan pengkaji yang lebih mengetahui kawasan tempat tinggal responden, jadi di sini ia bertugas sebagai pemandu untuk menunjukkan tempat tinggal responden tersebut. Di samping itu juga kawan pengkaji lebih mengenali responden tersebut, jadi senang sedikit proses 'rapport' dijalankan. Kadang-kadang pengkaji juga terpaksa bermalam di rumah kawan untuk mendapatkan matlumat yang lebih lanjut lagi mengenai seseorang bomoh itu.

Bomoh dan bidan yang ditemui oleh pengkaji tinggal di kawasan-kawasan :-

- 1) Padang Besar, Perlis.
- 2) Kampung Darat, Perlis.
- 3) Kampung Abi, Perlis.
- 4) Kampung Tunjung, Perlis.
- 5) Kampung Guar Geti, Perlis.
- 6) Kampung Datuk Kayaman, Perlis.

5. Masalah-masalah yang dihadapi.

Dalam membuat dan melakukan kajian tiap-tiap pengkaji mesti menghadapi masalah. Di dalam melakukan kajian mengenai perbomohan ini pengkaji juga tidak sunyi dari menghadapi masalah.

Masalah yang paling utama yang dihadapi oleh pengkaji ialah untuk mendapatkan bomoh. Ini kerana bilangan bomoh yang ada adalah tidak ramai memandangkan hanya orang-orang tertentu sahaja yang menjadi bomoh. Dan lagi di samping jumlahnya yang tidak ramai itu mereka juga tidak tinggal di dalam satu kawasan yang sama. Sebaliknya mereka tinggal bertaburan di merata-rata tempat. Sudahlah pengkaji terpaksa lebih dahulu mengetahui nama-mana mereka, pengkaji juga mesti pula mengetahui di mana tempat tinggal mereka. Untuk mengetahui bomoh, masalahnya tidak begitu berat kerana ramai orang-orang kampung mengetahuinya dan sanggup memberi kerjasama. Tetapi masalah yang timbul ialah ketika soal tempat tinggal ditimbulkan. Setengah bomoh tinggal jauh di kawasan pendalaman dan bila masalah ini timbul pengkaji terpaksa menumpang ke rumah kawan pengkaji yang berdekatan. Kadang-kadang pengkaji terpaksa bermalam di rumah kawan pengkaji itu.

Masalah juga akan timbul bila di dalam proses menemubual bomoh tersebut tiba-tiba pesakit atau pelanggan bomoh tersebut berkunjung ke rumahnya dengan tujuan untuk meminta ubat. Jadi proses menemubual tersebut akan terganggu dan sudah semestinya

pengkaji terpaksa menghentikan dulu perbualan tersebut untuk memberi peluang kepada pelanggan tersebut. Sekiranya pelanggan datang tidak putus-putus, maka pengkaji terpaksa menunda temuduga tersebut ke hari esoknya atau masa-masa yang ditetapkan. Masalah timbul bila tempat tersebut jauh di pedalaman. Jadi pengkaji terpaksa berulang-alik. Namun demikian di dalam upacara meminta ubat itu pengkaji dapat melihat bagaimana bomoh tersebut mengubati pesakit.

Masalah lain juga timbul, misalnya ada bomoh yang tidak begitu mahu memberikan kerjasama mereka. Mereka enggan untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Ada bomoh yang tidak memberitahu bagaimana caranya ia mengubati pesakit. Ini mungkin kerana ia takut untuk memberitahu, takut ilmunya diambil orang. Untuk mengelakkan dari membuka rahsia ini mereka mengatakan bahawa itu adalah sumpah mereka yang tidak boleh dilanggar yangmana akan mendatangkan keburukan kiranya dilanggar. Apabila soal ini timbul ia mendatangkan masalah kepada pengkaji untuk meneruskan temubual. Walau bagaimanapun kebanyakan bomoh yang didatangi oleh pengkaji menyambut baik kedatangan pengkaji.

## BAB 2

### TINJAUAN-TINJAUAN TENTANG BOMOH

#### DAN MAGIS DI MALAYSIA.

Sebagaimana yang telah diterangkan bahawa telah banyak kajian-kajian mengenai bidang yang bersangkutan dengan perbomohan ini dilakukan. Di antara sarjana-sarjana itu termasuklah Skeat (1900), Endicott (1970), Mohd. Taib Osman (1967), Winstedt (1925), David Banks (1976), Gimlette (1915) dan lain-lain lagi. Karya-karya mereka ini secara keseluruhannya menggambarkan bidang kepercayaan orang Melayu yang meliputi bidang-bidang mengenai magis, ugama dan juga bidang perubatan. Tujuan tinjauan tulisan-tulisan ini dilakukan ialah untuk melihat karya-karya tersebut secara ringkas dan juga mencuba untuk membuat perbandingan di antara karya-karya tersebut.

Di dalam bukunya, "Malay Magic", Skeat (1900) telah menerangkan berkenaan dengan bentuk-bentuk kepercayaan orang-orang Melayu termasuk ugama-ugama yang popular dan juga magis yang diamalkan oleh orang-orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu. Misalnya dalam "allpervading Animism", adalah merupakan anggapan asas Skeat untuk menerangkan bentuk-bentuk kepercayaan tertentu. Metode yang digunakan oleh Skeat pula merupakan metode pengumpulan data-data yang telah ada misalnya dari naskah-naskah yang belum dicetak di samping berdasarkan catitan-catitan yang dibuatnya sendiri dalam beberapa tahun semasa ia tinggal di Semenanjung Tanah Melayu khususnya di negeri Selangor. Buku ini walaupun dianggap masih



banyak kelemahan-kelemahannya misalnya dari segi skop kajiannya yang hanya terbatas kepada kepercayaan-kepercayaan orang Melayu sahaja, sedangkan di Semenanjung ia boleh membedakannya dengan kepercayaan-kepercayaan bangsa-bangsa lain yang terdapat di sini, namun karya ini adalah amat berguna untuk di jadikan bahan rujukan.

Buku Winstedt (1925) pula yang bertajuk "Shaman, Saiva and Sufi: A Study Of The Evolution Of Malay Magic", menghuraikan sejarah dan juga kepercayaan orang Melayu. Misalnya beliau telah menerangkan dengan Sufiesma, iaitu doktrin daripada mazhab Islam sebagai "mystic pantheism" dan ia hanyalah merupakan satu cawangan daripada kepercayaan Islam yang telah berkembang di Malaya sebagai satu pendapat terhadap ide-ide orang Melayu sebelum Islam.

K.M. Endicott (1970) pula telah cuba menunjukkan bahawa ujud organisasi dari segi struktur dalam "world-view" orang Melayu terhadap teori dan perlakuan magis di kalangan mereka. Sementara kajian Taib Osman (1967) merangkumi bidang yang lebih umum dari kajian Endicott. Pada dasarnya ia cuba menunjukkan bahawa walaupun kepercayaan rakyat atau kepercayaan warisan tradisional orang Melayu terdiri daripada unsur-unsur yang mempunyai asalusul yang berbeza-beda; ianya merupakan kesatuan atau siratan yang erat lagi bermakna sebagai "cult - institutions" yang berdasarkan kepada ide-ide dan premis yang memang sudah dikenali dalam masyarakat. Dalam kertaskerjanya, "Perbomohan: Satu Aspek World-View Dalam Kebudayaan Melayu" (1977) beliau telah mengkaji institusi perbomohan Melayu. Tujuannya yang

utama ialah memeriksa samaada atau tidak pola-pola premis tentang kuasa-kuasa luarbiasa dalam perbomohan Melayu mempunyai pengertian yang tidak bercanggah antara satu sama lain dan secocok pula dengan "world-view" dalam kepercayaan orang Melayu terhadap alam luarbiasa. Sementara dalam makalahnya yang bertajuk "Kepercayaan Tradisional Dalam Kepercayaan Melayu ditinjau dengan Pendekatan Antropologi Budaya " (1978), beliau cuba melihat kepercayaan tradisional orang Melayu dengan secara "detached", iaitu dengan cara yang bebas lepas daripada kongkongan budaya sendiri. Apa yang dilakukan ialah membentuk model-model struktural untuk menerangkan kedudukan kepercayaan tradisional Melayu dalam budaya dan masyarakatnya. Kertas ini juga cuba menunjukkan kepercayaan-kepercayaan tradisional dalam hubungannya dengan sistem kepercayaan orang Melayu keseluruhannya dan juga struktur hubungan antara ciri-ciri kepercayaan itu dalam sistem kepercayaan yang sama. Berdasarkan model-model ini, dapat kita mengetahui ciri-ciri perlakuan orang Melayu yang bersangkutan dengan kepercayaan-kepercayaan tradisional.

Dalam usaha hendak menggambarkan fenomena kepercayaan-kepercayaan tradisional dan budaya Melayu, beliau tidak dapat lari daripada hakikat bahawa model pengkajian yang mempunyai tujuan menggambarkan sesuatu fenomena itu dari segi "detached" akan terpengaruh oleh model yang disedari sebagai seorang anggota budaya itu sendiri.

Kajian Endicott (1970) adalah satu analisa mendalam tentang struktur hubungan antara alam biasa (supernatural realm) seperti

yang dapat dicungkil daripada lambang-lambang dan pernyataan-pernyataan seperti mentera, serapah dan lain-lain dalam upacara-upacara magis orang Melayu. Sumber yang digunakan oleh Endicott merupakan sumber-sumber yang terletak dan pendekatannya pula ialah "structuralism". Sungguhpun beliau tidak pernah berhadapan dengan kebudayaan Melayu secara langsung kerana bahan-bahannya adalah yang tercetak semata-mata, namun karyanya merupakan satu percubaan sulung dari segi analisa struktural yang terperinci tentang satu aspek "world-view" orang Melayu iaitu Kepercayaan.

Gimlette (1915) di dalam "Malay Poisons and Charm Cures" di anggap satu kajian yang istimewa kerana ia telah memberikan satu penerangan yang saintifik sebagaimana yang dilakukan oleh "mediceman" di Persekutuan Tanah Melayu.

Keterangan mengenai perubatan ini merupakan sesuatu yang dianggap menarik dan istimewa yang pernah dilakukan dalam negara di mana perubatan moden masih lagi belum berpengaruh. Semuanya ini dilakukan oleh Gimlette berdasarkan kepada kajian dan penyelidikannya sendiri. Sebagai sebuah kajian yang dilakukan dengan teliti maka adalah amat berguna kajian yang bersangkutan dengan racun tumbuhan dan binatang ini kepada ilmu "therapeutic" moden. Contohnya beliau telah memberi tidak kurang daru 18 jenis racun binatang dan 23 jenis racun tumbuh-tumbuhan. Ia juga amat berguna untuk ahli psikologi dan juga ahli pharmacology.

David J. Banks di dalam esseinya "Trance and Dance in Malaya: The Hindu - Buddhist Complex in Northwest Malay Folk Religion (1976), telah memberikan satu penerangan mengenai ide-ide dan upacara-upacara yang dipanggil Hindu - Buddhist di kalangan orang-orang Melayu Muslim di Utara Semenanjung Tanah Melayu. Fokus essei ini dilakukan ke atas ide-ide sistematik semulajadi sebagaimana yang terdapat di dalam upacara-upacara dengan memberi keterangan yang meluas untuk menerangkan bidang "magical belief and practice". Beliau juga telah menerangkan mengenai asalusul kejadian manusia itu sendiri yangmana menurutnya sejarah kejadian manusia adalah bermula dari Adam dan juga kejadian-kejadian benda-benda ghaib. Di samping itu juga beliau telah membincangkan tentang perhubungan kuasa-kuasa ghaib dan bomoh.

Haji Mokhtar bin Hj. Md. Dom di dalam bukunya "Bomoh dan Hantu" (1977), pula telah memberikan gambaran kepercayaan yang diwarisi dari nenek moyang orang-orang Melayu dari zaman dahulu lagi. Di dalam buku ini kepercayaan kepada kuasa-kuasa ghaib seperti jin, hantu dan sebagainya dianalisa kembali untuk mengetahui asalusulnya; puncanya, jenis-jenis kuasa ghaib itu terutama tentang pegangannya atau pengaruhnya yang masih kuat terhadap masyarakat Melayu di kawasan-kawasan pedalaman. Ia ditulis dengan harapan semoga peranan bomoh dan kepercayaan kepada hantu-hantu dapat difahami dan dibaca oleh generasi-jenerasi baru.

Kesimpulannya dapat dilihat bahawa tiap-tiap karya tersebut pada

keseluruhannya adalah menggambarkan tentang kepercayaan orang Melayu baik dari segi "world-view", dari segi amalan dan juga perlakuan magis yang ada, juga dari segi perubatan. Cuma yang membedakan karya-karya tersebut adalah dari segi pendekatan masing-masing. Walaupun di dalam setengah karya-karya tersebut masih lagi mempunyai kelemahan masing-masing misalnya kekurangan bahan atau cara pendekatan yang cetek, namun karya-karya tersebut amat berguna sebagai bahan rujukan dan bacaan.

### BAB 3

#### LATARBELAKANG DAN SUDUT PANDANGAN

##### BOMOH DAN BIDAN.

#### 1. LATARBELAKANG BOMOH DAN BIDAN.

##### i) Asalusul.

Dari lima orang bomoh dan dua orang bidan yang dikaji, semua mereka adalah terdiri dari orang kampung yang memangnya berasal dari kampung yang diduduki dan ada setengahnya berpindah ke kampung yang didudukinya itu di atas sebab-sebab seperti berkahwin ataupun membuka tanah baru. Mereka berumur dalam lengkongan 35 hingga 70 tahun. 2 orang bomoh menjadikan lapangan bomoh sebagai pekerjaan tetapnya manakala yang lainnya mempunyai kerja tetap yang lain seperti berniaga, bersawah padi dan kerja-kerja kampung yang lain. Bomoh bagi golongan ini hanya sebagai pekerjaan sambilan.

##### ii) Taraf pelajaran.

Kedua orang bidan didapati tidak bersekolah langsung sementara seorang bomoh hanya mendapat pendidikan Arab. Dua orang bersekolah sehingga darjah lima dan bersekolah Arab sementara taraf pelajaran yang tertinggi dicapai ialah setakat darjah enam.

Jadi dari segi taraf pelajaran, dari taraf tiada pelajaran sekular sehinggalah setinggi-tingginya peringkat darjah enam di samping pelajaran sekolah Arab. Ini mungkin kerana ketika zaman mereka dahulu hanya setakat itu sahaja yang termampu oleh mereka.

Lagipun di ketika itu taraf pelajaran sekolah rendah seperti darjah lima itu sudah dianggap tinggi sehingga boleh melayakkan seseorang itu menjadi guru kalau mahu. Sementara pelajaran Arab pula amat diberatkan sebagai asas pelajaran agama. Bagi mereka yang menjadi bomoh, dengan adanya pelajaran Arab membolehkan mereka memahami lebih mendalam lagi tentang jampi yang digunakan sebagaimana yang dikatakan oleh seorang bomoh di Kampung Datuk Kayaman, Perlis, yang lebih banyak menggunakan ayat-ayat Al- Quran, kerana kebolehannya menjadi bomoh pun pada mulanya adalah berdasarkan dari ayat-ayat Al-Quran juga. Menurutnya, Al-Quran sekiranya dikaji mengandungi berbagai-bagai ayat untuk menyembuhkan penyakit. Terpulanglah kepada kebolehan seseorang itu untuk menggunakannya.

Keseluruhannya kebanyakan bomoh dan bidan yang ditemui menjadi bomoh atau bidan adalah atas keinginan untuk menolong orang yang berada dalam keadaan terdesak. Namun demikian ada juga bomoh yang menjadi bomoh berdasarkan minat mereka sendiri terhadap pekerjaan itu.

## 2. SUDUT PANDANGAN BOMOH DAN BIDAN.

### i) Kepercayaan.

Sistem kepercayaan orang Melayu pada praktiknya dapat digambarkan sebagai interaksi tiga penjuru antara agama resmi mereka, iaitu agama Islam, kepercayaan warisan atau tradisional yang masih terdapat tinggalannya dalam kehidupan sehari-hari dan pengetahuan bercorak impirical yang dibawa oleh sistem pelajaran baru. (Zainal Kling : 1977 : 7)

Gambaran corak kepercayaan ini dikemukakan oleh Mohd. Taib Osman secara grafik dalam rajah tigasegi. (1977 : 7) Di dalam rajah tersebut ia menerangkan bagaimana tiap-tiap satunya saling pengaruh mempengaruhi sehingga membentuk kepercayaan orang Melayu hari ini.

Keadaan ini juga mempengaruhi bomoh. Bomoh dianggap sebagai seorang ahli dalam hal ubat mengubat orang sakit. Bukan semua orang boleh menjadi bomoh. Ada individu tertentu sahaja yang boleh menjadi bomoh dan mereka juga boleh terdiri dari samaada lelaki atau perempuan. Untuk menjadi seorang bomoh yang baik, salah seorang bomoh yang ditemui oleh pengkaji mensenaraikan tiga sifat-sifatnya iaitu:-

- i) Tidak derhaka kepada ibubapa.
- ii) Tidak belot kepada anak isteri orang, yakni tidak akan melakukan sesuatu yang tidak baik atau berniat serong pada isteri atau anak orang. Pendekkata ia mestilah seorang yang boleh dipercayai.
- iii) Tidak derhaka kepada raja.

Tiga prinsip ini haruslah diikuti andainya hendak menjadi bomoh yang berjaya.

Selain dari itu seorang bomoh juga mestilah sabar, tidak mudah naik angin, jujur dan lain-lain lagi. Pendekkata seorang bomoh itu bukanlah seperti manusia biasa, ia mempunyai sesuatu yang luarbiasa dalam masyarakatnya (Zainal Kling : 1977 :22) Luarbiasa yang dimaksudkan di sini ialah sifat seseorang bomoh itu dalam mengu-



bati penyakit yangmana untuk mengubati penyakit mereka bukan sahaja bergantung kepada kitab atau ilmu. Ilmu dan kitab sahaja tidak mencukupi kerana dalam " world-view" Melayu, bomoh itu benar-benar bomoh apabila ia dapat mengemukakan sifat-sifat luarbiasa bagi dirinya. Ia sendiri misalnya mempunyai pantang-larangnya, yang jika dilalui akan merosakkan dirinya sendiri.

Persekitaran bercorak luarbiasa atau 'supernatural' yang menyelubungi institusi perbomohan Melayu, menguatkan lagi kepercayaan terhadap cara seseorang itu boleh menjadi bomoh tanpa menuntut. Cara ini ialah mendapatkan kuasa, baik secara langsung ataupun tidak. Secara langsung ialah melalui mimpi ataupun pertemuan bersemuka dengan seorang wali atau keramat, dan dalam pertemuan itu seseorang yang terpilih itu akan diberi kuasa menjadi bomoh oleh wali tersebut, secara tidak langsung iaitu melalui alamat, baik dalam mimpi maupun waktu jaga. Oleh kerana itulah maka terdapat bomoh yang apabila mengubati penyakit, ia hanya akan dapat memberikan ubat-ubatannya setelah ia menjalani beberapa proses. Misalnya mereka terlebih dahulu akan bersembahyang ataupun meratib dan kemudiannya baharulah mereka dapat memberitahu ubat pesakit tersebut. Ini dilakukan oleh seorang bomoh di Padang Besar, Perlis. Dengan meratib dan bersembahyang itu maka ia seolah-olah telah diberi 'ilham' oleh suatu kuasa ghaib bagaimana untuk mengubati suatu penyakit itu. Begitu juga dengan seorang bomoh di Kampung Datuk Kayaman, Perlis, yang menggunakan teknik sembahyang untuk melihat benda yang hilang. Ia kemudiannya mendapat tahu melalui

mimpi.

ii) Jenis-jenis bomoh.

Seseorang itu menjadi bomoh atau pawang melalui beberapa cara:-

- a) Dengan cara menuntut, yaitu mempelajari ilmu dari seorang guru.
- b) Melalui pengalaman yang istimewa, seperti misalnya mewarisi baka ataupun kembaran ayah atau keluarga yang rapat yang pernah menjadi bomoh (turunan), mimpi, mendapat kembaran atau makhluk luarbiasa yang dipelihara atau mendapat sesuatu benda ajaib yang mempunyai kuasa magis.

Endicott (1970 : 5 - 18) mengatakan,

"Ilmu can be required through two kinds of transmission; learning from unrelated magicians, and learning from relatives, either living or dead."

Dari data kajian pengkaji terdapat seorang bomoh yang begitu berminat dengan perbomohan sehingga sanggup mempelajarinya dari seorang guru ke guru yang lain sehinggalah ke jumlah 48 orang. Untuk berguru ini memerlukan modal yang banyak di samping melibatkan pengembaraan dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

Bagi bomoh warisan pula mereka mendapat ilmu tersebut samaada dari bapa atau datuknya. Seorang bomoh wanita di Padang Besar,

Perlis, memberitahu bahawa ia memperoleh ilmu dari neneknya yang kemudiannya diperturunkan kepada ibunya dan seterusnya kepada ia sendiri. Begitu juga dengan seorang lagi bomoh di Kampung Darat, Perlis, yang telah mendapat ilmu perbomohan dari datuknya. Endicott menyatakan bahawa,

"Hereditary magicians consider themselves superior to initiated ones; they are more respected, and their magic is thought to be more effective". ( 1970 :14)

Sejauhmanakah kenyataan ini boleh diterima atau tidaknya masih boleh diperdebatkan lagi. Ini mungkin kerana bomoh secara warisan mempunyai hubungan kuasa yang lebih dengan alam ghaib daripada bomoh yang mempelajarinya dari orang lain. Di samping itu mungkin juga dari segi kekesanannya mengubati penyakit lebih mengesankan. Tidak dapat dinafikan juga pengaruh kebolehan bapa atau keturunannya dari bomoh tersebut turut juga mempengaruhi kepercayaan dan kepopuleran seseorang bomoh. Ini kerana biasanya sekiranya bapa atau datuk seseorang bomoh yang dahulunya masyhur maka anak dan cucunya juga sedikit sebanyak akan menerima pengaruh tersebut. Lagipun orangramai dan masyarakat di persekitaran akan memandang hormat kepada bomoh tersebut dan selalu disifatkan sebagai seorang yang banyak ilmu. Namun demikian tidaklah dapat dinafikan bahawa keduanya samaada bomoh warisan atau bomoh yang menuntut sama-sama menggunakan satu sistem magis. Cuma perbedaannya dari segi tingkat kebolehan.

"..... the shaman has stronger influence over the supernatural by virtue mainly of having an accomplice there, a spirit which can protect him, help him deal with other spirits, and convey to him the most effective ilmu." (Endicott :1970 :23)

Untuk menjadi seorang bomoh juga,

" one does not have to learn to become a bomoh, for if a person has the charisma the office of the bomoh comes naturally to him like a revelation." (1)

Ini terdapat pada seorang bomoh yang dikaji. Beliau telah menyatakan bahawa ia menjadi bomoh dengan secara kebetulan kerana ia sebenarnya bukanlah berasal dari keluarga bomoh ataupun menuntut. Sebaliknya beliau menjadi bomoh asalnya adalah atas kehendak untuk menolong orang. Akhirnya kerana ia ada "charisma" maka jadilah ia seorang bomoh.

Secara umumnya bomoh diklasifikasikan kepada dua jenis iaitu:-

- a) Bomoh am. (General practitioner)
- b) Bomoh yang pakar. (Specialist)

Bomoh am merupakan bomoh yang boleh mengubati berbagai jenis penyakit manakala bomoh pakar pula hanya boleh mengubati-penyakit tertentu sahaja, misalnya penyakit patah, penyakit lumpuh, penyakit-penyakit kulit dan lain-lain lagi. Namun demikian dalam kajian yang dilakukan terdapat ramai bomoh am yang di samping boleh mengubati berbagai jenis penyakit ia juga berkemampuan dalam mengubati penyakit-penyakit tertentu. Misalnya seorang bomoh di Kampung Guar Geti, Perlis. Beliau boleh mengubati penyakit-penyakit seperti

---

(1) Taib Osman, *The Bomoh's Role In Rural Society*, New Strait Times, 1975, (1 April).

penyakit-penyakit kulit, barah, demam panas, silap urat, penyakit gila dan lain-lain lagi tetapi beliau begitu mahir di dalam mengubati penyakit lumpuh. Begitu juga seorang bomoh di Kampung Datuk Kayaman, Perlis, yang mahir di dalam mengubati penyakit kanak-kanak seperti penyakit mulut, lelah, demam dan lain-lain, boleh juga mengubati penyakit-penyakit lain. Pendekkata boleh dikatakan semua bomoh boleh mengubati berbagai-bagai jenis penyakit di samping mahir dalam mengubati penyakit-penyakit tertentu.

Menyentuh tentang jenis bomoh ini, ada bomoh yang menjadikan lapangan ini sebagai pekerjaan tetap dan ada yang menjadikannya sebagai pekerjaan sambilan. Dari lima orang bomoh yang ditemui oleh pengkaji terdapat tiga orang bomoh sambilan manakala dua orang lagi bekerja tetap sebagai bomoh.

Bomoh yang bekerja sebagai sambilan mempunyai pekerjaan tetap yang lain misalnya berniaga atau bertani, Bomoh merupakan pekerjaan sambilan sahaja. Sekiranya ada orang yang memintanya mengubati sesuatu penyakit baharulah ia akan mengubatinya. Lain pula dengan bomoh yang hanya menumpukan perhatian dan masanya hanya untuk mengubati penyakit dan menjadikan lapangan bomoh sebagai pekerjaannya. Mereka tidak melakukan pekerjaan lain. Bomoh itulah kerjayanya. Seorang bomoh menerangkan bahawa ia menjadikan bomoh itu sebagai pekerjaannya memandangkan kepada jumlah bilangan orang yang pergi berubat dengan mereka adalah ramai. Sebulan ada 50 orang yang pergi berubat. Oleh kerana itulah maka adalah tidak perlu bagi ia

melakukan pekerjaan lain. Ada juga bomoh yang kini menjadi bomoh sebagai pekerjaan tetapnya berdasarkan umurnya yang telah tua, jadi ia tidak lagi kuat untuk melakukan kerja-kerja lain. Pendapatan yang lumayan juga menjadi daya penarik. Ada bomoh yang mengatakan bahawa pendapatannya boleh menjangkau hingga ke \$2,000/= sebulan.

iii) Asalusul sakit.

Mengikut pendapat bomoh-bomoh Melayu, tiap-tiap makhluk yang ada di atas mukabumi ini termasuk manusia mempunyai semangat, jiwa atau roh padanya mempunyai ciri-ciri tertentu. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Winstedt (1951), semangat manusia adalah bersifat "vital" atau sebagai "effective force" iaitu dilihat sebagai tenaga. Semangat adalah sesuatu yang amat penting sekali di dalam kehidupan manusia dan yang mengawal perjalanan anggota badan manusia. Ini adalah pendapat primitif yang dipesakai oleh kebanyakan orang-orang Melayu hari ini khususnya pawang dan bonoh Melayu.

Skeat (1900) menyatakan roh adalah sebagai satu gambaran manusia yang halus tidak berbentuk dan berupa. Jika semangat terusik ia akan menyebabkan seseorang itu sakit. Ujudnya kepercayaan sesuatu penyakit akan bertambah berat jika kuasa halus atau "invisible agents" jin, syaitan, hantu dan kuasa-kuasa jahat telah menguasai tubuh badan seseorang itu. Berkenaan hantu dan jin ini Gimlette mengatakan bahawa, (1929 : 87 - 91)

"Both are usually invisible, but can assume visible forms and change them at will. Both can invade a person's body causing illness or "posses a shaman and, as a "control spirit", help evict a malevolent spirit."

oleh kerana itulah nanti peranan bomoh di sini akan menakutkan kuasa-kuasa ghaib atau kuasa halus. Semangat atau roh mahluk-mahluk hidup dipercayai dapat merasa akibat kecederaan dan penyakit tubuh itu.

Di samping sebab-sebab di atas yang pada amnya boleh disifatkan sebagai sebab-sebab "supernatural", penyakit juga boleh disebabkan oleh sebab-sebab natural. Penyakit yang disebabkan oleh keadaan natural adalah disebabkan oleh keadaan alam keliling misalnya perubahan iklim seperti suasana sejuk, panas, kering dan lembab, sebab-sebab makanan, faktor-faktor kebersihan juga faktor-faktor psikologi.

Sebagai kesimpulan dapatlah dirumuskan bahawa penyakit adalah disebabkan oleh dua unsur iaitu unsur natural dan supernatural. unsur-unsur natural boleh membawa kepada penyakit seperti luka, patah, keletihan, makanan yang juga boleh membawa penyakit misalnya samaada memakan makanan yang disifatkan lebih panas, memakan lebih banyak makanan yang sejuk atau yang boleh mendatangkan angin, racun termasuk santau, darah kotor yang boleh menyebabkan sakit kepala dan lain-lain lagi. Manakala unsur-unsur "supernatural" lebih diberatkan kepada penyakit-penyakit yang dibawa oleh kuasa-kuasa ghaib seperti hantu dan syaitan.

## BAB 4

### CARA PERUBATAN

#### 1. Cara Perubatan Bomoh.

Pada masa ini setiap bomoh, dukun atau tabib mempunyai cara dan peraturan perubatan mereka yang tersendiri. Masing-masing juga menggunakan bahan, jampi dan mentera yang tersendiri, berbeda di antara satu sama lain. Sebagaimana penjelasan seorang bomoh, untuk mengubati penyakit itu bukanlah hanya dengan satu cara sahaja. Ini bergantung kepada jenis penyakit itu sendiri. Ada pesakit yang tidak sesuai penyakitnya diubati dengan cara yang telah digunakan walaupun ianya mengidap penyakit yang sama. Ini mengikut serasi masing-masing. Jadi tiap-tiap seorang pesakit itu ada cara pengubatan yang tersendiri mengikut keserasian masing-masing. Sekiranya sesuai maka cara itu akan diteruskan dan sekiranya tidak sesuai maka cara yang lain akan digunakan sehinggalah ada satu cara yang sesuai yang boleh menyembuhkan penyakit itu. Sebab itulah pengubatan tradisional memerlukan masa yang lama untuk dilihat kesannya.

Ditinjau secara keseluruhannya asas perubatan tradisi yang digunakan terletak kepada dua bahagian iaitu:-

- i) Permohonan atau permintaan yang terdiri dari doa, jampi dan mentera.
- ii) Terletak kepada ramuan yang merupakan sebagai ikhtiar dan usaha dalam rawatan.



Kedua-dua ciri ini melibatkan tiga aspek, iaitu:-

- i) Penguasaan. (Manipulative)
- ii) Penggunaan akar-akar dan daun-daun kayu.
- iii) Unsur upacara.

Di dalam setiap kejadian ia melibatkan ketiga-tiga aspek ini tetapi yang menjadi komponen utamanya ialah "ritual" yang mana alat utama yang digunakan ialah jampi. Ia melibatkan seorang bomoh menjampi sesuatu. Misalnya menjampi air sejuk, minyak tangkal ataupun sirih pinang.

Mengenai jampi, doa dan mentera ini tidak ada bomoh atau dukun yang sekata. Ada yang menyeru 'Tok nenek', ada yang memanggil 'Tok Syikh' dan 'Wali Allah' dan ada yang menyeru 'Jin' dan jembalang. Di samping itu ada juga yang hanya menggunakan jampi-jampi berdasarkan ayat-ayat suci Al-Quran dan puji-pujian ke atas Nabi. Umumnya ia dijalankan dengan disediakan tempat kemenyan dan beras satu piring untuk dijadikan penawar atau ubat.

Misalnya dalam kajian mengenai cara-cara mengubati penyakit ini, pengkaji mendapati ada seorang bomoh yang hanya membaca ayat-ayat suci Al-Quran ke dalam air sejuk lalu diberi minum kepada pesakit. Contohnya dengan membacakan ayat Yassin ke dalam air yang diberi minum kepada wanita yang sakit hendak bersalin, nescaya wanita tersebut dengan mudahnya dapat melahirkan anaknya. Di samping itu untuk melihat barang atau benda yang hilang ia mengamalkan

sembahyang "Sunat Istiharah". Melalui sembahyang tersebut ia akan memohon doa kepada tuhan. Kemudiannya beliau akan dapat melihat barang tersebut melalui mimpi.

Manakala ada seorang bomoh lain yang mengatakan bahawa untuk mengubati penyakit seseorang itu harus bersembahyang 'ghaib' terlebih dahulu. Melalui sembahyang itu baharulah kemudiannya ia akan dapat menyatakan jenis-jenis ubat untuk mengubati sesuatu penyakit itu. Secara keseluruhannya bomoh yang ditemui menyatakan bahawa sebagai permulaan mestilah disediakan sirih pinang sebagai acara untuk meminta ubat.

Di dalam jampi serapah ini ada banyak mengandungi unsur-unsur metafizika yang di luar daripada pemikiran manusia biasa, iaitu mereka yang di luar daripada ilmu perbomohan itu. Ada terdapat berbagai kitab perubatan yang digunakan oleh bomoh-bomoh Melayu sebagai panduan mereka untuk mengubati penyakit. Kitab-kitab ini ditulis tangan oleh bomoh itu sendiri. Malangnya kitab itu hanya menjadi rahsia mereka sahaja. Pengetahuannya tidak boleh digunakan atau disebarkan kepada orang lain. Ini mungkin disebabkan mereka takut keistimewaan mereka sebagai seorang bomoh akan hilang dan kemungkinan mereka tidak diperlukan lagi andainya ilmu itu disebarkan kepada orang ramai. Ini juga mungkin kerana perbomohan adalah merupakan punca pendapatan mereka yang selama ini menyara nafkah hidup mereka ataupun sebagai menjaga sumpah mereka. Sekiranya ilmu itu dibocorkan kemungkinan ilmu mereka itu tidak akan mujarab lagi.

Taib Osman (1) mengatakan,

"Even among the Malay themselves, such literature is known only to the practicing or aspiring bomohs, for it contains the esoteric knowledge open only to the initiated and the practitioner."

Di dalam kitab-kitab itulah terdapatnya jenis-jenis jampi yang harus digunakan untuk mengubati penyakit-penyakit tertentu. Di samping itu terdapat juga senarai ubat-ubat yang harus digunakan. Sepertimana yang diterang oleh seorang bomoh di Kampung Tunjung, Perlis. Beliau terpaksa menghafal jampi-jampi tersebut juga jenis-jenis ubat yang diperlukan. Untuk mengenali ubat-ubatannya yang terdiri dari daun-daun, akar-akar serta kulit-kulit kayu itu pula bukannya mudah. Oleh kerana itulah beliau terpaksa mengikut gurunya ke hutan-hutan untuk mengenali jenis-jenis tumbuhan yang boleh dijadikan ubat. Dan proses ini memakan masa yang lama.

Ramuan-ramuan adalah jenis-jenis ubat yang diperbuat daripada campuran akar, daun ataupun kulit-kulit kayu. Biasanya ramuan ini dibuat dengan campuran tertentu bagi satu-satu penyakit. Misalnya penyakit 'angin'. Berbagai-bagai jenis ramuan digunakan seperti akar larak, akar lembu raja, akar tinjau belukar dan akar bulang. Semuanya ini direbus dan diminum airnya.

---

(1). Taib Osman, *The Bomoh's Role in Rural Society*, New Strait Times, 1 April. 1975.

Pada keseluruhannya ramuan-ramuan tersebut samaada diberi makan ataupun disapu ke badan ataupun ke tempat yang sakit ataupun dimandikan. Ramuan-ramuan itu pula boleh terdiri dari samaada akar, kulit, daun ataupun semuanya sekali. Ianya pula boleh di asah ataupun direbus. Contohnya untuk menghilangkan bisa penyakit keguguran yang dialami oleh kaum wanita, akar-akar kayu digunakan dengan mengasah dan merebusnya untuk diminum airnya. Ada juga jenis-jenis penyakit tertentu yang menghendaki semua proses pengubatan di atas iaitu makan dan sapu. Misalnya bagi penyakit demam panas, seorang bomoh di Kampung Darat, Perlis, memberikan ubat-ubatya yang terdiri dari tombak pisang, akar kelapa atau pisang. Keduanya diasah lalu diambil airnya, disapu airnya itu pada kaki pesakit. Sementara ubat yang mesti dimakan pula terdiri dari ubi sagu beremban.

Selain dari menggunakan metode jampi dan memberi ramuan ubat-ubat ada juga bomoh yang mempunyai kebolehan-kebolehan yang luar-biasa. Misalnya bomoh urut-mengurut. Tidak semua bomoh yang ditemui mempunyai kebolehan dalam urut-mengurut ini. Di dalam lima orang bomoh yang ditemui oleh pengkaji hanya seorang yang mempunyai kebolehan yang dianggap luarbiasa ini. Beliau boleh mengurut penyakit patah dan juga penyakit lumpuh. Dalam mengubati penyakit lumpuh beliau menggunakan metode jampi, memberi ubat dan mengurut. Tetapi metode ini memakan masa yang lama dan memerlukan kesabaran baik di pihak pesakit maupun di pihak bomoh sendiri. Apa yang menakjubkan bagi 'bomoh-bomoh patah' ialah bagaimana mereka boleh membetulkan semula tulang yang patah tersebut. Adalah cukup bagi

mereka dengan hanya menggunakan ubi keledek yang telah direbus ataupun batang keladi dengan memukul ubi atau batang keladi tersebut ke tempat yang patah sambil membacakan doa dan diurut, akhirnya pesakit akan sembuh seperti sediakala. Oleh kerana metode ini berbeza dengan metode perubatan moden yang dijalankan melalui pembedahan, maka ramai orang-orang hari ini lebih suka menemui 'bomoh patah' sekiranya mereka mengalami patah. Hari ini institusi perubatan moden juga mengakui tentang kebolehan bomoh patah ini kerana ada bomoh patah yang turut sama melakukan perhidmatan di hospital sebagai kerja sambilan. Misalnya seorang 'bomoh patah' di Kampung Darat, Perlis. Beliau akan ke Hospital Umum Kangar, seminggu sekali untuk mengurut pesakit-pesakit yang mengalami patah.

## 2. Cara Perubatan Bidan dan Tugas-Tugasnya.

Bidan ialah orang yang menguruskan soal kelahiran. Semua bidan adalah terdiri dari orang perempuan. Berhubung dengan bidan ini Endicott (1970 : 13) menerangkan bahawa,

"Similarly, the magic of conducting babies into the world is such a speciality, and there is every reason to regard the midwife as a minor, part-time magician."

Ini kerana sebagai orang yang menguruskan soal-soal kelahiran tanggungjawab utamanya ialah menolong orang perempuan di saat-saat hendak melahirkan anak. Lain-lain tanggungjawabnya ialah sewaktu dan selepas bersalin. Bidan juga merupakan pakar dalam lapangan pantanglarang yang membataskan perlakuan ibubapa.

Pada masa ini terdapat dua golongan bidan di kampung-kampung  
yaitu:-

- i). Bidan yang terdaftar.
- ii). Bidan yang tidak terdaftar.

Bidan yang terdaftar ialah bidan tradisi yang diakui atau diiktiraf perhidmatannya oleh kerajaan atau pihak hospital. Asalnya bidan-bidan ini adalah dari bidan kampung baik secara keturunan atau tidak. Mereka juga sudah lama menjalankan perhidmatan sebagai bidan kampung tanpa mendapat sebarang latihan moden. Pada mulanya, sebelum mereka diiktiraf mereka hanya menggunakan perkakas-perkakas sendiri tetapi setelah diiktiraf mereka dibekalkan dengan perkakas bidan oleh pihak hospital iaitu yang terdiri dari sebuah beg yang mengandungi ubat pusat dan gunting. Mereka juga dikehendaki hadir dalam ceramah yang diberikan oleh pihak hospital sebulan sekali di tempat yang dikhaskan seperti di hospital atau di klinik-klinik. Menurut seorang bidan yang ditemui, ceramah yang diberikan adalah lebih menitikberatkan kepada soal menjaga kebersihan perkakas bersalin seperti gunting yang diberikan. Tiap-tiap kali mereka pergi mengikuti kursus, alat-alat itu akan diperiksa terlebih dahulu. Menurutnya lagi kursus yang diberikan adalah sama sahaja dengan cara yang digunakannya untuk membidani wanita yang bersalin.

Tugas-tugasnya selain dari membidani orang-orang bersalin  
ialah:-

- i). Menasihatkan perlakuan ibubapa khususnya tentang

pantang larang semasa dalam pantang.

- ii). Menganggarkan masa kelahiran.
- iii). Menguruskan perkara-perkara yang diperlukan semasa bersalin khususnya seperti memotong pusat, memandikan ibu selepas bersalin dan lain-lain lagi.
- iv). Mencukur rambut anak.
- v). Mengurut selepas bersalin.

Di antara bidan berdaftar dan tidak berdaftar dari segi cara melakukan kerjanya adalah tidak berbeda. Tetapi dari segi tugas bidan yang berdaftar boleh menjalankan tugasnya dengan bebas manakala bidan yang tidak berdaftar terpaksa melakukan kerja-kerjanya secara sembunyi dan terhad pekerjaannya. Ini kerana sekiranya "bidan kerajaan" mendapat tahu sudah tentu mereka akan dimarahi. Tetapi atas dasar kemanusiaan dan atas hasrat untuk menolong orang yang dalam keadaan terdesak dan memerlukan pertolongan, walaupun mereka enggan melakukannya sekalipun mereka berkebolehan, maka mereka terpaksa menolong apa yang patut sementara menunggu bidan kerajaan. Sepertimana yang dijelaskan oleh seorang bidan yang tidak berdaftar, sekiranya wanita tersebut melahirkan anaknya lebih awal dari kedatangan bidan kerajaan maka kerjanya cuma "menyambut" anak tersebut. Segala kerja yang lain kemudiannya akan diserahkan kepada bidan kerajaan melakukannya seperti mengerat pusat dan sebagainya.

Ditinjau dari segi cara bidan melakukan kerja, kita dapati

bahawa cara mereka adalah sama dengan apa yang dilakukan oleh bidan kerajaan. Cuma yang membedakannya ialah dari segi penggunaan jampi. Bidan kerajaan tidak menggunakan sebarang jampi di dalam melakukan pekerjaan mereka tetapi bagi bidan kampung, mereka akan menggunakan jampi sekiranya seseorang itu susah hendak melahirkan anak.

Seorang bidan juga menentukan kedudukan anak di dalam perut samaada kedudukannya betul atau salah (songsang) iaitu melalui dayarasanya, di samping menentukan lama kandungan seseorang itu melalui dayarasanya.

Kesimpulannya, nyatalah bahawa di antara bidan yang diiktiraf dan tidak diiktiraf, dari segi kebolehan adalah lebihkurang sama, tetapi dari segi tugas, ternyata bidan yang tidak diiktiraf terhad perlakuannya. Namun demikian kedua-duanya masih wujud di kampung-kampung kerana selagi tenaga mereka dikehendaki maka selagi itulah walaupun ada pihak yang tidak senang hati dengan penyertaan mereka dalam masyarakat, mereka akan terus berbakti kepada masyarakat.

### 3. Bentuk upah.

#### i). Bentuk upah bomoh.

Dari segi upah, tidak ada seorang bomoh pun yang mengatakan



dan mengakui bahawa mereka menentukan bayaran kepada pesakit. Sebaliknya mereka, boleh dikatakan semua mengatakan bahawa bayaran adalah mengikut keihlasan masing-masing. Tetapi hal ini boleh diperdebatkan lagi kerana melalui pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji, ramai di kalangan bomoh yang menetapkan bayaran yang harus diberikan kerana ada keluarga pesakit yang terpaksa membelanjakan beratus-ratus ringgit kepada seseorang bomoh itu. Misalnya bagi mengubati 'penyakit gila', bagi sekali ubat yang diberikan, seorang bomoh menentukan bayarannya sehingga \$40.00 ke \$60.00. Itu baharu sahaja untuk pertama kali. Bagaimana pula sekiranya untuk kali seterusnya, kerana biasanya seseorang itu tidak hanya akan sembuh kalau hanya sekali berubat sahaja. Ada seorang bomoh yang mengakui bahawa pendapatannya sebulan boleh menjangkau sehingga \$2000.00. Dipandang dari segi ini memang boleh dianggap lumayan. Oleh kerana itu tidak hairanlah sekiranya ia menjadikan bomoh sebagai pekerjaan tetapnya.

ii). Bentuk Upah Bidan.

Bagi institusi perbidanan pula memang telah menetapkan upahnya, seorang bidan mengatakan bahawa sekali ia menjadi bidan, ia akan diberi upah sebanyak \$20.00. Bagi upah mengurut pula beliau akan mendapat sebanyak \$10.00 bagi kerja yang dilakukan untuk tiga hari berturut-turut.

Dilihat dari segi moral, memang tidak dapat dinafikan bahawa

dengan menetapkan bayaran kepada jumlah yang tertentu itu menyusahkan orang ramai. Apa lagi bagi mereka yang tidak mampu. Lagipun ini adalah berlawanan dengan apa yang telah diakui oleh para bomoh yang mengatakan mereka memberi rawatan ikhlas dan bayarannya pula adalah bergantung kepada keikhlasan seseorang itu. Namun demikian bomoh juga perlu hidup dan perlukan wang. Apalagi sekiranya seseorang bomoh itu hanya bekerja mengubat orang sakit sahaja, maka sudah tentulah ia mengharapkan akan hidup melalui bidang itu sahaja. Oleh kerana itulah maka ada bomoh yang mengambil kesempatan untuk mendapatkan pendapatan yang lumayan dengan cara mengubati penyakit ini. Mereka menggunakan kebolehan mereka untuk mencari kemewahan hidup. Ini mungkin disebabkan oleh pengaruh kebendaan yang semakin melanda masyarakat Melayu. Seperti bomoh yang berpendapatan \$2000.00 di atas yang boleh dianggap suatu pendapatan yang lumayan, beliau memang menetapkan bayaran untuk setiap kali seseorang itu minta ubat darinya. Soalnya walaupun berapa bayaran yang ditentukan seseorang itu terpaksa membayarnya walaupun beliau tidak mampu. Yang penting di dalam konteks ini ialah penyakit yang mesti disembuhkan. Soal bayaran, mereka seboleh-bolehnya akan berusaha juga untuk mendapatkannya.

Namun demikian ada juga bomoh yang bertimbang-rasa, yang benar-benar menjalankan hidmatnya dengan ikhlas tanpa mengenakan bayaran langsung seperti bomoh di Kampung Datuk Kayaman, Perlis. Ini mungkin disebabkan beliau mempunyai pekerjaan yang tetapnya (berniaga). Lagipun cara pengubatan beliau lebih banyak bergantung

kepada ayat-ayat Al-Quran.

#### 4. PERANAN BOMOH DAN BIDAN HARI INI.

##### i) a) Sebagai bomoh.

Pada masa ini telah wujud dua institusi perubatan di dalam masyarakat Melayu iaitu institusi perubatan bercorak tradisional dan institusi perubatan moden. Institusi perubatan tradisional adalah diwakili oleh bomoh, pawang atau dukun. Sementara institusi perubatan moden terkenal dengan doktor-doktornya. Di antara keduanya dari segi peranan dan tugasnya adalah sama iaitu mengubati orang sakit, bomoh juga berperanan sebagai "ritualist" dalam masyarakatnya. Ini berbeza dengan doktor yang hanya mengubati orang sakit sahaja. Sebagai seorang "ritualist", bomoh memainkan peranan di dalam upacara-upacara tertentu misalnya di dalam upacara naik rumah, membuka tanah baru, membuang bala, memuja pantai dan lain-lain lagi. Manakala doktor tidak melakukan kerja-kerja begini. Mereka hanya menumpukan kerja mereka kepada mengubati penyakit sahaja kerana itulah profesyen mereka.

Penerimaan masyarakat Melayu kampung terhadap institusi perubatan hari ini tidak dapat disangsikan lagi. Ini dapat dilihat daripada sambutan masyarakat itu sendiri. Namun demikian tidak dapat dinafikan juga bahawa institusi perubatan terus hidup dan berkembang selari dengan arus perkembangan institusi perubatan

dan akan terus hidup selagi masyarakat mengakui akan kebolehan dan kepandaian bomoh.

Dari kajian yang dijalankan ternyata bahawa sebagai orang yang mengubati penyakit, peranan bomoh masih seperti dahulu juga. Mereka tetap berfungsi sebagai "dokter tradisional" dengan menggunakan bahan-bahan tradisional. Cuma pada hari ini dengan ujudnya institusi perubatan moden, orang ramai lebih suka menemui doktor dan kemudian andainya penyakit mereka tidak juga sembuh barulah mereka menemui bomoh. Begitu juga sebaliknya, iaitu ada juga kes di mana pesakit akan menemui dahulu, apabila penyakit mereka tidak jua sembuh barulah mereka menemui doktor. Ini diakui sendiri oleh bomoh-bomoh yang ditemui. Orang ramai juga turut mengakui akan hakikat ini. Namun demikian orang ramai juga mengakui bahawa pengubatan bomoh hingga hari ini masih belum dapat menandingi kepakaran doktor di dalam bidang-bidang tertentu. Dan masyarakat antarabangsa lainnya juga mengakui kahandalan bomoh Melayu berubat terutamanya dalam hal patah, mengurut dan seumpamanya. (1) Kenyataan ini disokong oleh Taib Osman,

"With the presence of modern medicine the bomoh may not be as highly regarded now as a curer of sickness, but as humar suffering and pain can go beyond the sickness curable by modern medicine, the bomoh seems to be still in business". (2)

---

(1) Sukardi Abd. Ghani, Benarkah nilai perubatan moden sudah tercemar? Ningguan Malaysia, 6 Januari, 1980.

(2) Mohd. Taib Osman, The Bomoh's Role in Rural Society, The New Strait Times, 1975 (April 1).

Kesimpulannya nyatalah bahawa dari segi mengubati orang-orang sakit, peranan bomoh masih seperti dahulu. Keadaan ini tidak berubah meskipun wujudnya institusi perubatan moden. Malah ada setengah-setengah bomoh mengatakan bahawa jumlah orang-orang yang pergi berubat dengannya semakin bertambah. Di sini tidak dapat dinafikan bahawa di antara kedua-dua institusi perubatan ini, masyarakat memandang sama pentingnya sebagai institusi perubatan yangmana menolong orang sakit. Di sinilah letaknya kebebasan orang ramai untuk berubat di mana sahaja yang diyakininya. Bila seseorang itu sakit, ada yang berubat secara moden dan ada secara tradisional semata-mata untuk lekas sembuh. Manakala bagi institusi perbidanan pula peranannya sebagai orang yang bertugas untuk menguruskan hal ehwal kelahiran masih tidak berubah. Malah ia telah berjaya diserapkan terus ke dalam institusi perbidanan moden. Bagi bidang perbomohan pula pengaruh perubatan moden ada meresap masuk. Bomoh kini ramai yang menerima hakikat bahawa penyakit itu disebabkan oleh kuman. Mereka juga tidak menentang akan kehadiran institusi perubatan moden. Malah mereka cuba seboleh-bolehnya membaiki cara perubatan mereka sesuai dengan arus perkembangan perubatan moden.

b) Sebagai "ritualist"

Bomoh selain dari bertugas mengubati orang sakit ia juga memainkan peranan penting di dalam kehidupan sehari-hari orang Melayu. Misalnya di dalam beberapa upacara (ritual) yang dijalankan

seperti upacara naik rumah, membuka tanah baru, memuja semangat padi, memuja pantai dan lain-lain. Namun demikian pada hari ini peranan bomoh di dalam upacara-upacara seperti ini sudah semakin berkurangan. Cuma yang masih lagi menjadi amalan ialah upacara 'naik rumah'. Seorang bomoh menerangkan bahawa dalam upacara naik rumah ini bomoh akan membaca doa dari ayat-ayat suci Al-Quran dengan tujuan dapat menghalau jin-jin kerana tempat-tempat baharu seperti itu dipercayai mempunyai hantu dan syaitan. Oleh kerana itu kenduri diadakan untuk tujuan tersebut. Ia dijalankan dengan memercik tepung tawar.

Di dalam upacara perkahwinan juga bomoh masih memainkan peranan penting. Ia bertugas sebagai bomoh di pihak lelaki bagi yang lelakinya manakala yang perempuan pula menjadi bomoh di pihak perempuan. Dari segi tujuan mengapa bomoh diperlukan di dalam upacara-upacara perkahwinan ini seorang bomoh mengatakan bahawa tujuannya adalah:-

- i) Untuk menghilangkan darah gemuruh di pihak pengantin. (Dibaca ayat-ayat Al-Quran, siapkan sirih pinang dan air).
- ii) Berperanan sebagai pengiring.
- iii) Melindungi dari terkena perbuatan orang terutama dari bomoh juga dengan tujuan untuk menguji kebolehan bomoh yang menjadi pengiring pengantin tersebut.

Ada juga bomoh yang bergelar "tok mudim" iaitu bertugas di dalam

upacara berkhatan. Namun pada hari ini, peranan mereka sudah mulai berkurang. Ini kerana pehak hospital telah mengambil alih tugas ini. Lagi pun orang ramai lebih suka berkhatan di hospital kerana peralatannya lebih bersih dan meyakinkan.

Manakala bidan pula, selain dari membidani wanita yang bersalin ia juga berperanan sebagai bomoh pengantin perempuan. Di samping itu bidan juga masih memainkan peranan penting dalam upacara "mencukur rambut" anak yang baharu dilahirkan itu. Di kampung, upacara mencukur rambut ini masih lagi menjadi amalan.

Kesimpulannya nyatalah bahawa peranan bomoh dan bidan dari segi upacara (ritual) sudah mulai berkurang. Ini mungkin pengaruh didikan moden yang diterima oleh masyarakat Melayu hari ini di samping perubahan-perubahan teknologi yang telah menyebabkan kepercayaan-kepercayaan terhadap semangat padi, kepercayaan terhadap hantu itu semakin hilang dari mereka lebih-lebih lagi bagi generasi mudanya. Oleh kerana itulah pada hari ini jarang terdapat upacara-upacara seperti membuka tanah, memuja semangat padi atau memuja pantai dijalankan. Namun demikian bomoh masih lagi diperlukan dalam upacara-upacara naik rumah. Tetapi kalau dilihat secara keseluruhannya ternyata bahawa peranan bomoh sebagai seorang "ritualist" sudah semakin berkurang hari ini.

ii) Pandangan Bomoh dan Bidan Tentang Perubatan Moden.

Dari bomoh dan bidan yang ditemui ternyata semuanya mengalu-alukan akan kehadiran institusi perubatan moden. Mereka tidak menganggap kehadiran institusi moden ini boleh meruntuhkan profesyen mereka sebagai bomoh. Ini kerana pada pendapat mereka kedua-dua institusi perubatan ini mempunyai tujuan yang sama iaitu menolong orang sakit. Hanya yang berbeza ialah bomoh lebih berdasarkan kepada cara perubatan turun-temurun manakala doktor pula lebih berdasarkan kepada kajian yang lebih saintifik. (1) Ini tidak dapat dinafikan kerana ada bomoh yang mengesyurkan sendiri kepada pesakitnya supaya menemui doktor andainya ia sendiri merasa tidak dapat mengubati penyakit seseorang itu.

Ada juga bomoh yang mengakui dengan sendirinya bahawa cara pengubatan moden adalah lebih berkesan dari yang dilakukan oleh bomoh. Ini kerana menurutnya perubatan moden mempunyai peralatan yang lebih moden berbanding dengan perubatan tradisional.

Memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa bomoh hari ini ramai yang berpandangan jauh dan telah menerima dengan senang hati akan kehadiran institusi perubatan moden. Malah mereka setengahnya tidak segan-segan mengakui akan kebaikan institusi perubatan moden ini. Yang jelas sekarang, rawatan baik melalui doktor atau bomoh, masing-masing mempunyai keistimewaan yang tersendiri.

---

(1) Sainifik yang dimaksudkan di sini ialah berdasarkan ujikaji. Misalnya dalam menjalankan pengubatannya dan menentukan ubat-ubatnya doktor menjalankannya adalah berdasarkan kepada kajian-kajian atau penyelidikan yang telah dibuktikan.



## BAB 5

### KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan dari kajian yang telah dilakukan ini maka dapatlah dikatakan bahawa walaupun pengaruh perubatan moden hari ini telah meresap bukan saja di kawasan-kawasan bandar, malah juga ke kampung-kampung. Namun demikian institusi perubatan tradisional masih lagi memainkan peranannya. Institusi perubatan tradisional terus hidup dan akan terus hidup selagi masyarakat menghendakinya walaupun di tengah-tengah kehadiran institusi perubatan moden. Masyarakat Melayu hari ini walaupun mengakui akan hakikat kebaikan perubatan moden mereka juga turut dalam satu masa mengakui akan kecekapan dan kepandaian bomoh. Ini kerana di antara kedua institusi ini masing-masing telah berjaya menunjukkan kekesanannya perubatan mereka. Oleh kerana itulah di antara keduanya iaitu bomoh dan doktor, masing-masing mendapat tempat di hati masyarakat.

Masyarakat hari ini juga tahu menilai mana yang baik dan buruk di antara kedua tokoh ini dengan melihat kekesanannya pengubatan yang dilakukan oleh mereka. Cara pengubatan yang dilakukan oleh bomoh adalah lebih berdasarkan kepada unsur-unsur jampi, melibatkan kuasa-kuasa ghaib dan juga penggunaan ubat-ubatan yang terdiri dari bahan-bahan tradisional. Manakala doktor pula menggunakan cara pengubatan yang lebih saintifik dengan ubat-ubatannya yang telah diproses terlebih dahulu dijelmakan dalam bentuk yang lebih senang untuk dimakan atau disapu. Kalau ditinjau secara keseluruhannya, metode

perubatan di antara keduanya adalah sama iaitu makan dan sapu. Cuma bentuk atau jenis ubatnya yang membedakan keduanya.

Beda yang paling nyata ialah doktor tidak menggunakan metode jampi dalam cara pengubatan mereka. Perubatan moden juga dilengkap dengan alat-alatan yang lengkap dan teratur dan cara perubatan mereka juga lebih sistematik. Ini kerana mereka dilatih terlebih dahulu sebelum menjadi doktor. Mereka juga ditempatkan di tempat-tempat yang dikhaskan jadi orang ramai dapat menemui mereka dengan mudah. Khidmat mereka juga dibayar. Sementara bomoh pula terdapat di merata-rata tempat. Untuk mendapatkan mereka adalah susah sedikit kerana terpaksa bertanya kepada orang lain. Lagipun khidmat bomoh tidak sebagaimana doktor, dibayar gaji, pendapatan mereka lebih banyak bergantung kepada orang yang meminta ubat itu sendiri.

Namun demikian masyarakat hari ini masih lagi menghargai dan memerlukan bomoh di dalam kehidupan mereka. Bomoh masih lagi berperanan sebagai orang yang mengubati penyakit. Malah di dalam upacara-upacara tertentu masyarakat hari ini masih lagi menggunakan bomoh. Misalnya di dalam upacara-upacara bersejarah seperti upacara pelancaran kapal ataupun pembukaan sesuatu pesta ataupun untuk menahan hujan, bomoh sering digunakan. Begitu juga dalam upacara-upacara naik rumah dan upacara perkahwinan.

Sebagai sebuah institusi yang telah lama wujud dalam masyarakat Melayu, tugas bomoh sebagai pengubat sakit tidak dapat dilupakan

begitu saja. Ia masih tetap berfungsi sebagai pengubat sakit terutama mengubat penyakit-penyakit yang dianggapkan doktor tidak dapat mengubatinya misalnya yang bersangkutan dengan jiwa dan juga hantu syaitan. Begitu juga dalam bidang penyakit patah, bomoh adalah lebih diharapkan dari doktor. Ini kerana cara pengubatan mereka dianggap lebih berkesan di bidang ini, dengan memakan masa yang singkat dan cara pengubatannya yang simple, sehingga para doktor tidak dapat menandinginya.

Namun demikian secara keseluruhannya kedua-dua institusi perubatan ini masing-masing mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Tugas kedua institusi ini adalah sama iaitu berkhidmat untuk masyarakat dengan cara mengubati penyakit dan khidmat ini memang mendapat penghormatan orang ramai dan mulia pengerjaanya. Hanya yang membedakan ialah cara atau metode yang digunakan. Metode tradisional adalah lebih bersifat individu manakala metode moden pula sama penggunaannya di kalangan mereka. Ini kerana doktor mempunyai pusat latihan di mana tiap-tiap orang doktor dilatih mengikut kaedah yang sama. Manakala bomoh lebih bercorak individu kerana mereka tidak punya institusi untuk melatih bidang ini. Kepandaian dan kebolehan mereka lebih berdasar kepada kepandaian dan kebolehan individu. Apa yang penting ialah orang ramai hari ini mempunyai kebebasan masing-masing samaada hendak memilih perubatan moden ataupun perubatan tradisional kerana di antara keduanya, masing-masing punya keistimewaan yang tersendiri.

Bahan Rujukan:-

Banks D.J.

- 1976 - Trance & Dance in Malaya : The Hindu-Buddhist Complex in Northwest Malaya Folk Religion, Buffalo New York.

Endicott K.M.

- 1970 - An Analysis of Malay Magic, Oxford University Press, London.

Gimlette J.D.

- 1915 - Malay Poisons and Charm Cures, Oxford University Press, Kuala Lumpur, repr. 1971.

Hj. Mokhtar b. Hj. Md. Dom.

- 1977 - Bomoh dan Hantu, Federal Publications, Kuala Lumpur.

Mohd. Taib Osman.

- 1967 - Indigenous Hindu and Islamic Elements in Malay Folk Belief, Disertasi Ph. D, Indiana University (Bloomington, Indiana, U.S.A).
- 1975 - The Bomoh's Role in Rural Society, The New Strait Times, 1 April.

1977 - Perbomohan : Satu Aspek World-View  
Dalam Kebudayaan Melayu, disunting  
oleh Dr. Zainal Kling dalam Masyarakat  
Melayu : Antara Tradisi dan Perubahan,  
Utusan Publications & Distributors,  
Kuala Lumpur.

1978 - Kepercayaan Tradisional Dalam Sistem  
Kepercayaan Melayu Ditinjau Dengan Pendekatan  
Antropologi Budaya, disusun oleh Mohd. Taib  
Osman dan Hamdan Hassan dalam Bingkisan  
Kenangan Untuk Pendita, Dewan Bahasa  
dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Skeat W.W

1900 - Malay Magic, London.

Sukardi Abd. Ghani

1980 - Benarkah Nilai Perubatan Moden Sudah  
Tercemar? Mingguan Malaysia, 6 Januari.

Winstedt R.O.

1925 - Shāman, Saiva and Sufi : A Study of  
The Evolution of Malay Magic, London.